**Interaksi cegah jenayah** MS3



**Hapus 70,000 tikus** MS10



**Ekspo Hijau Pulau Pinang** MS 20





PERCUMA

# buletin Mutiara




BERSATU DAN SETIA

**1 – 15, SEPTEMBER 2013**

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


*Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia.*

# KN utamakan projek rumah mampu milik – SPEC perkenal polisi baharu

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN-** Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) memandang serius akan keperluan rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) di Pulau Pinang, kata Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo di sini baru-baru ini.

"Oleh demikian, kita (SPEC) memperkenalkan suatu polisi baharu di mana pihak pemaju projek perumahan perlu menyediakan lima peratus unit rumah yang nilainya tidak melebihi RM200,000, 15 peratus unit tidak melebihi RM300,000 dan lima peratus unit tidak melebihi RM400,000 daripada keseluruhan projek yang telah diluluskan," jelas Jagdeep.

Selain itu, tambahnya, sejumlah 11,910 unit rumah KR dan 7,776 unit rumah KSR telah diluluskan pembinaannya kepada pihak swasta.

Malah melalui usahasama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Kerajaan Negeri telah merancang lapan projek perumahan mampu milik yang menawarkan 20,000 unit rumah mampu milik dengan nilai antara RM72,500 ke RM400,000 seunit.

"SPEC juga turut bermesyuarat saban minggu untuk memantau dan memilih pemilih yang benar-benar layak memiliki rumah sama ada KR mahupun KSR.

"Tujuannya mudah, untuk mengurangkan senarai menunggu dalam senarai permohonan yang sehingga kini (mengikut rekod) terdapat pemohon yang masih kekal namanya dari tahun 1979.

"Kita juga akan menjejaki mereka yang memalsukan data permohonan dan akan mengambil tindakan tegas sekiranya didapati bersalah kerana lebih ramai lagi pemohon yang layak terutamanya mereka yang kurang upaya dan ibu-ibu tunggal," jelasnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Tambahnya, SPEC juga memandang serius Laporan Audit 2010 yang menyatakan terdapat beberapa kes pemohon yang tidak layak memohon (kerana gaji melebihi syarat) tetapi diberi rumah.

SPEC ditubuhkan untuk memantau dan melihat keseluruhan proses perolehan rumah KR bermula dari peringkat permohonan sehinggalah ke peringkat pemilihan pemohon. Ia diwakili oleh lapan orang perwakilan termasuklah pegawai-pegawai dari bahagian perumahan.

**SENARAI PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK**

| | Bahagian Pulau | Unit |
|---|---|---|
| 1 | SP Chelliah | 1,900 |
| 2 | Teluk Kumbar | 696 |
| 3 | Jelutong | 556 |

| | Bahagian Seberang Perai | Unit |
|---|---|---|
| 1 | Kampung Jawa, Butterworth | 707 |
| 2 | Ampang Jajar | 1,634 |
| 3 | Off Jalan Berapit | 1,000 |
| 4 | Bukit Juru | 800 |
| 5 | Batu Kawan | 11,800 |

**STATISTIK PERMOHONAN (PERMINTAAN) RUMAH KOS RENDAH (KR) DAN KOS SEDERHANA RENDAH (KSR) DI PULAU PINANG**

*Data aktif sehingga 29 Ogos 2013*

*Status 2: Menunggu*

| DAERAH | KSR | KR | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| Seberang Perai Tengah | 108 | 1,686 | 1,794 |
| Seberang Perai Utara | 273 | 2,728 | 3,001 |
| Seberang Perai Selatan | 1,008 | 1,010 | 2,018 |
| Timur Laut | 15,837 | 3,420 | 19,257 |
| Barat Daya | 211 | 4,924 | 5,135 |
| | 17,437 | 13,768 | 31,205 |



JAGDEEP Singh Deo.

**Berikut adalah senarai Ahli Jawatankuasa SPEC:**

- Ahli Parlimen Jelutong, Ooi Chuan Aun,
- Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik,
- Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin,
- Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar, Phee Boon Poh,
- Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim,
- Exco Pertanian & Industri Asas Tani Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, dan
- Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen

# Tarif air RM0.31 kekal terendah, denda bazir 20 peratus - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN-** Denda akan dikenakan kepada pengguna yang membazir bekalan air bersih memandangkan Pulau Pinang mencatatkan penggunaan air paling banyak, iaitu 302 liter padu per kapita setiap hari.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bagaimanapun berkata, warga Palau Pinang yang tidak membazir air akan terus menikmati tarif air paling rendah berbanding negeri-negeri lain, iaitu RM0.31 bagi setiap 1,000 liter padu untuk 35,000 liter pertama sahaja.

"Apa yang kita buat adalah kita (Kerajaan Negeri) tidak akan menaikkan kadar harga air, tetapi, kita mengenakan denda kepada mereka yang membazirkan air.

"Tarif air masih sama (dan) paling rendah berbanding negeri-negeri lain akan terus dinikmati oleh mereka yang tidak membazir bekalan air," ujar beliau di Komtar, di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berkata, penggunaan air sehingga 70,000 liter bagi dwi bulanan tidak akan dikenakan caj denda tambahan.

Namun, penggunaan air dalam jumlah 100,000 liter hingga 150,000 liter dalam tempoh yang sama akan dikenakan caj tambahan sebanyak 16.7 peratus.

Penggunaan air dalam jumlah 150,000 liter hingga 200,000 liter dalam tempoh yang sama akan dikenakankan caj tambahan sebanyak 20.7 peratus.

Penggunaan air melebihi 200,000 liter dalam tempoh yang sama akan dikenakan caj tambahan paling tinggi iaitu, 20.9 peratus.

"Denda paling tinggi kira-kira 20 peratus...dulu anda bayar RM20, sekarang (kadar termasuk caj denda membazir air) yang ada perlu bayar RM24 (untuk bil air dwi bulanan)," ujar Guan Eng.

Beliau berkata, pengguna yang membazirkan air direkodkan sebanyak 28 peratus sahaja.

Justeru, beliau menasihatkan semua pihak supaya terus berjimat-cermat menikmati bekalan air bersih di negeri berkenaan.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, premis perniagaan tidak akan dikenakan surcaj sehingga 20 peratus tersebut memandangkan mereka tidak menerima apa-apa subsidi daripada Kerajaan Negeri.

Dalam perkembangan sama, beliau sekali lagi mengulangi pendirian Kerajaan Negeri menolak cadangan membayar caj air bersumber Sungai Muda sebagaimana dituntut oleh Kerajaan Negeri Kedah.

"Air yang diangkat dari Sungai Muda adalah dalam sempadan negeri Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) mempunyai semua dokumen untuk membuktikannya.

"Undang-undang antarabangsa menyatakan bahawa semua negara harus membenarkan sungai ini alir secara semulajadi tanpa sebarang peralihan untuk mengalih sumber air ke sesebuah negeri," tegas Guan Eng.



## Sekat air Pulau Pinang

Adun Bakar Bata, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah cadang bekalan air ke negeri berkenaan disekat jika enggan berunding menyelesaikan kemelut air



19 UTARA

27/8/13 SH

## Cadang sekat laluan air ke Pulau Pinang

*Jika masih enggan berunding selesai kemelut air*

SIDANG DUN KEDAH

ALOR SETAR - Adun BN semalam mencadangkan laluan air sungai ke Pulau Pinang disekat jika kerajaan negeri itu masih enggan berunding dengan Kedah untuk menyelesaikan kemelut air yang timbul sebelum ini.

Adun Bakar Bata, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah berkata, Kedah berhak berbuat demikian kerana sumber air adalah berasal dari negeri ini dan tidak ada pihak yang boleh mempertikaikan apa jua tindakan yang diambilnya kelak.

Beliau berkata, pengorbanan Kedah sepatutnya dihargai pihak yang menerima air mentah secara percuma selama ini.

"Kita memerlukan peruntukan untuk proses penyelenggaraan bagi memastikan saliran dan bekalan air tidak terganggu.

"Adalah tidak adil Pulau Pinang mengambil air dari laluan di Kedah tanpa memberi apa-apa sumbangan untuk sama-sama memikul tanggungjawab untuk menyelenggarakan hutan simpan dan sumber air sebaliknya ia terpaksa ditanggung sepenuhnya oleh Kedah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih atas titah ucapan Pemangku Sultan Kedah, Tan Sri Tunku Annuar Sultan Badlishah merasmikan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Persidangan Dun Kedah ke-13.

AHMAD BASHAH

Menurutnya, tindakan pemimpin Pulau Pinang menolak sebarang rundingan mencerminkan sikap ego mereka yang hanya mahu mengaut keuntungan hasil jualan air tanpa perlu menanggung sebarang kos yang sepatutnya dikongsi bersama dengan Kedah.

"Apa salahnya Pulau Pinang beri sedikit sumbangan kepada Kedah yang menyediakan laluan untuk membolehkannya mendapat bekalan air mentah," katanya.

Beliau turut membidas sikap pemimpin Pulau Pinang yang memberi pelbagai alasan dan hanya sanggup berunding dengan menteri besar tanpa melalui pihak lain.

"Kebiasaannya proses rundingan bukan dimulakan oleh perdana menteri atau menteri besar sebaliknya dirintis peringkat pegawai kanan terlebih dahulu.

"Selepas dipersetujui, barulah rundingan diteruskan peringkat atasan untuk dimuktamadkan," katanya.

KERATAN akhbar Sinar Harian bertarikh 27 Ogos 2013.

**SINDIR MUTIARA** Oleh: **Sam**



# KN, polis, komuniti perlu interaksi cegah jenayah - KM



ABDUL Rahman Hanafi.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SUNGAI BAKAP -** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng bersama-sama Datuk Abdul Rahim Hanafi (Ketua Polis Negeri) baru-baru ini mengadakan interaksi dua hala dengan komuniti Daerah Seberang Perai Selatan di sini.

Majlis bersejarah itu sebagai reaksi pada beberapa insiden tembak-menembak belakangan ini hatta mencederakan serta menggugat keyakinan awam.

Semasa berucap, Guan Eng sekali lagi menawarkan sumber Kerajaan Negeri bagi membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) demi mengekalkan rekod Pulau Pinang sebagai salah sebuah negeri paling selamat di negara ini.

"Kerajaan Negeri memahami (mengenai) kekurangan anggota dan sumber yang mungkin dihadapi oleh polis dalam usaha membanteras jenayah sekarang.

"Demi mengembalikan semula keyakinan rakyat bahawa negeri ini selamat, Kerajaan Negeri akan terus berkerjasama dengan polis bagi menghadapi penjenayah," tegas beliau di depan hampir 200 masyarakat setempat.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Datuk Law Choo Kiang, Maktar Shapee (Timbalan Speaker DUN merangkap ADUN Sungai Bakap), Soon Lip Chee (ADUN Jawi), Kasthuri Patto(Ahli Parlimen Batu Kawan), Datuk Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal) antara pimpinan negeri yang hadir pada majlis tersebut.

Guan Eng berkata, pihaknya berharap Pasukan Peronda Sukarela (PPS) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) turut memberi komitmen untuk saling berkerjasama dengan pihak polis di kawasan masing-masing.

Abdul Halim yang baru dilantik sebagai Ketua Polis Negeri dalam reaksi spontan berkata, pihaknya senantiasa komited dalam memastikan negeri ini selamat dan aman.

Atas sebab itu, beliau berkata, orang awam seharusnya tidak memandang serong terhadap operasi pemeriksaan trafik di beberapa lokasi strategik belakangan ini demi memburu beberapa lagi suspek penjenayah.

"Sebagai pasukan yang diamanahkan untuk menjaga keselamatan rakyat di negeri ini, tidak ada tolak ansur dengan aktiviti jenayah, sama ada kecil atau besar," tegas beliau disambut tepukan gemuruh oleh hadirin.

Beliau berkata, pihaknya berharap interaksi langsung bersama rakyat akan dilaksanakan lagi di daerah-daerah lain demi memastikan keselamatan dan keamanan negeri terus menjadi agenda utama bersama.

## Amal 'Pentadbiran Berteraskan Hasil' selepas kejayaan program emas RM150 juta - KM



TUN Abdul Rahman Abbas meramahi salah seorang pengunjung Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**SUNGAI BAKAP -** Kerajaan Negeri akan mengamalkan konsep baru yang dikenli sebagai Pentadbiran Berteraskan Hasil *(outcame based administration)*, selain, mengekalkan konsep tadbir urus sedia ada, iaitu Pentadbiran Berteraskan Belanjawan *(budget based administration)*.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kombinasi konsep dwi-pentadbiran itu diharap dapat terus mengelak ketirisan dalam perbelanjaan wang awam serta memastikan kegunaan dana kerajaan untuk tujuan yang paling sesuai sahaja.

Pengumuman itu dibuat semasa Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi dilihat berjaya melaksanakan program-program sumbangan emas secara langsung kepada rakyat yang dianggarkan berjumlah RM150 juta.

"Lebihan bajet dan simpanan terkumpul ini telah mendorong Kerajaan Negeri untuk terus berkongsi kekayaan yang dikecapi bersama dengan rakyat Pulau Pinang melalui program-program kebajikan emas.

"(Itu, tidak termasuk) pemberian insentif kepada pelajar cemerlang SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) dan STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia), bantuan kepada orang kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal.

"Kesemua kos sumbangan program-program ini sejak tahun 2008 menelan belanja kira-kira RM150 juta," ujar beliau pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T), Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff menjadi dif kehormat utama pada keraian tersebut.

Hadir bersama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Law Choo Kiang dan isteri, Datin Teoh Hooi Tuang, Datuk Mohd Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I) dan isteri, Datin Nor Azizah Haron, Prof. Dr. P.Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan isteri, K. Kalaiarasi, Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan isteri, Datin Hamidah Mat Daud serta semua Exco dan ADUN.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih sekali lagi mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan terus memperluaskan program emas, termasuk sumbangan RM100 setahun kepada ibu emas yang tidak bekerja mulai tahun 2014.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menyeru kaum wanita di bawah usia 35 tahun supaya segera mendaftarkan diri dengan Briged Wanita Pulau Pinang serta Program Pemeriksaan Mammogram percuma.

## Harap Taman Keenways jadi 'Taman Perusahaan Sisa Sifar'



MAIMUNAH Mohd. Sharif (lima dari kiri) dan Tan Seh Bah (empat dari kiri) bersama-sama Jawatankuasa KRT Taman Keenways lain melihat sayur-sayuran segar yang dihasilkan menggunakan baja organik di sini baru-baru ini.

**BUKIT MERTJAM –** Kelab Rukun Tetangga (KRT) Taman Keenways di sini diharap dapat menyahut seruan kempen 'Sisa Sifar' yang baru dilancarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata demikian semasa merasmikan Kebun Kejiranan *'Green Ways'* di taman tersebut di sini.

"MPSP berharap Taman Keenways dapat berusaha ke arah mewujudkan 'Taman Perumahan Sisa Sifar' suatu hari nanti di mana MPSP hanya perlu melakukan kutipan sampah di taman ini seminggu sekali sahaja.

"Di taman ini sendiri, semua material seperti kertas, botol plastik, tin, aluminium, kotak minuman dan sisa organik lain dapat dikumpulkan dan dikitar semula untuk tujuan pengkomposan, umpamanya," ujar beliau di depan hampir 50 penduduk setempat.

Setiausaha bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Tan Seh Bah (Pengerusi KRT Taman Keenways) turut hadir pada majlis itu.

Maimunah berkata, bandar-bandar maju seperti Kawasaki, Jepun sekarang dilaporkan giat melaksanakan aktiviti dan kajian bagi menukar hasil sisa menjadi tenaga yang diperbaharui.

Untuk bergerak ke arah kemajuan itu, katanya lagi, MPSP dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) melalui Kerajaan Negeri telahpun menandatangan satu perjanjian persefahaman (MoU) dengan Kawasaki.

"Hasil sisa di sana (Kawasaki) boleh dijana menjadi biogas dan menjana kuasa elektrik.

"Saya berharap, suatu hari nanti, banyak penghuni rumah, khususnya di Taman Keenways ini pun akan mengamalkan sistem 'sisa dijana jadi tenaga' ini," ujar beliau.

Dalam perkembangan sama, beliau turut menyeru semua pihak bersama-sama MPSP dalam mengurangkan keterhasilan sisa sampah melalui amalan konsep 4R, iaitu *Rethink, Reduce, Reuse and Recycle*.

Selepas majlis perasmian itu, Maimunah turut dibawa melawat Kebun Kejiranan yang sayur-sayuran serta buah-buahannya ditanam menggunakan baja organik serta baja kompos kendalian sukarelawan KRT Taman Keenways sendiri.

# Waris atlet sepak takraw terima sumbangan khairat kematian RM1,000 - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERMATANG PAUH -** Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng menyerahkan cek sumbangan khairat kematian bernilai RM1,000 kepada waris keluarga bekas tekong sepak takraw kebangsaan, Fauzi Ghazali, 33 baru-baru ini.

Sumbangan itu diserahkan melalui pegawai khasnya Khairul Ishak dan diterima oleh balu arwah, Soleha Omar, 30.

"Y.B Chong Eng merakamkan ucapan takziah dan diharap keluarga arwah banyak-banyak bersabar.

"Kita akan cuba menghubungi dan berbincang dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk mendapatkan lain-lain sumbangan untuk keluarga arwah," ujar Khairul semasa berkunjung ke rumah ibu arwah di sini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin juga turut hadir dalam kunjungan kasih di kediaman arwah Fauzi.

Hadir bersama, Penasihat badan bukan kerajaan (NGO) Infak Kebajikan Ummat Takaful (IKUT), Zolkifly Md. Lazim.

Mereka disambut oleh saudara kandung Fauzi, Khairul Anuar Ghazali, 40, Sarina Ghazali, 47, dan Sarimah Ghazali, 45.

Sebelum itu, Soleha melahirkan rasa sebak atas sumbangan yang diterimanya.

"Sebelum meninggal, arwah ada sebut nak bina akademi takraw di sini (perkarangan rumah pusaka dekat Permatang Pauh) untuk mencari bakat baru...takraw ini macam jiwa dia.

"Saya bersyukur kerana saya sentiasa di sisi arwah sepanjang diuji dengan sakit ini, arwah meninggal di atas tangan saya," ujar Soleha yang juga suri rumah.

Difahamkan, Fauzi sejak hampir 10 bulan lepas dikesan mengidap barah jenis *Non-Hodgkins Lymphoma* sebelum menghembuskan nafas terakhir di Hospital Pulau Pinang, George Town baru-baru ini.

Arwah meninggalkan lima anak kecil antara usia 10 bulan hingga tujuh tahun.

Khairul Azman Azizan (Ketua Unit Operasi Bahagian Penguatkuasaan JHEAIPP) turut hadir pada sidang media itu.



**AFIF Bahardin (dua dari kiri) bersama-sama Pegawai Khas Chong Eng, Khairul Ishak (kiri sekali) menyerahkan cek sumbangan berjumlah RM1,000 kepada Soleha Omar (empat dari kiri) sambil disaksikan oleh Zolkifly Md. Lazim (tiga dari kiri), Sarimah Ghazali (kanan sekali) dan dua anak arwah Fauzi Ghazali di sini baru-baru ini.**

# Buka tender urus mammogram percuma hingga 30 Sept.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri baru-baru ini mengumumumkan tawaran tender terbuka kepada mana-mana hospital swasta, klinik-klinik atau pusat-pusat kesihatan yang berminat untuk bersama mengendalikan Program Pemeriksaan Mammogram Percuma khusus untuk wanita di Pulau Pinang.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, tawaran tender berkenaan dibuka sehingga 20 September depan.

"Kerajaan Negeri berharap program ini dapat meningkatkan kualiti kesihatan kaum wanita di negeri ini selaras dengan slogan 'Sayangi Wanita Pulau Pinang'," ujar beliau dalam suatu sidang media di sini.




**KECANGGIHAN peralatan mammografi dikatakan mampu mengesan barah atau ketumbuhan bukan kanser sungguhpun masih kecil untuk dirasai oleh pesakit wanita mahupun doktor.**

Dr. Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata, makluman penuh tawaran tender tersebut boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi Kerajaan Negeri.

Program Pemeriksaan Mammogram Percuma dirangka sebagai bukti bahawa Kerajaan Negeri 'sayang' akan wanita terutamanya aspek kesihatan.

"Dengan adanya program ini kelak, diharap kaum wanita lebih peka dan mampu menjalani pemeriksaan mammogram percuma di hospital-hospital yang mengambil bahagian.

"Oleh demikian, saya menyeru mana-mana pihak yang berminat boleh mendapatkan tawaran tender ini dan kita (Kerajaan Negeri) akan berkerjasama demi kesejahteraan kaum wanita Pulau Pinang," katanya lagi.

Tambah beliau, Briged Wanita melalui Pejabat Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Pusat Khidmat Penyelaras DUN (KADUN) akan memainkan peranan penting bagi menjayakan salah satu janji Manifesto Pakatan Rakyat Pulau Pinang pada musim Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13), 5 Mei lalu.

"Amalan pemerintahan yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) telah mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

"Hasil penjimatan ini dikongsi dan dimanfaatkan bersama seluruh rakyat Pulau Pinang tanpa mengira agama, bangsa atau faham politik," ujar beliau.

# Ganti tangga elektrik Terminal Feri siap Oktober ini

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Rentetan aduan orang ramai, kerja-kerja bagi menggantikan tangga elektrik (escalator) baharu di Terminal Feri Sultan Abdul Halim, Butterworth akan dilaksanakan dalam waktu terdekat dan dijangka siap menjelang Oktober ini, kata Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi), Lim Hock Seng di sini baru-baru ini.

"Ini termasuk aduan dan maklum balas orang ramai melalui suatu kajian kepuasan pelanggan berkenaan perkhidmatan feri di Pulau Pinang yang dijalankan baru-baru ini.

"Salah satu fokus terpenting kajian ini adalah berkaitan tangga elektrik di Terminal Feri (Butterworth), sama ada ia berfungsi dengan baik atau sebaliknya," jelas Hock Seng di sini baru-baru ini.

Penyelenggaraan tangga elektrik tersebut adalah terletak di bawah seliaan Semasa Sentral Penang Sdn. Berhad (SSPSB).



**LIM Hock Seng.**

Malah pihak Penang Port Sdn. Bhd.(PPSB) juga telah mengadakan perbincangan dengan SSPSB dua bulan lalu.

"Selain pihak PPSB, Kerajaan Negeri juga ada terima rungutan daripada orang ramai.

"Langkah permulaan, satu laluan sementera telah dikenalpasti bagi membolehkan penumpang feri menggunakannya.

"Orang ramai diharap dapat bersabar dengan kerja-kerja menggantikan tangga elektrik tersebut demi keselesaan bersama kelak," jelasnya.

# Exco cadang JKKK anjur gotong-royong cegah denggi

Oleh :**AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin mencadangkan semua 291 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di negeri ini supaya menganjurkan program cegah pembiakan nyamuk aedes dalam usaha membendung peningkatan kes demam denggi.

Beliau berkata demikian semasa mengulas berkenaan peningkatan kes denggi di Pulau Pinang yang menyebabkan dua kes kematian tahun ini berbanding satu kematian direkodkan pada tahun lalu.

"Perkara ini agak membimbangkan kerana mencatatkan peningkatan 100 peratus (bilangan kematian)," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya itu bagaimana pun berkata, laporan Jabatan Kesihatan Negeri sehingga minggu ke-34 tahun ini sebagai dipetik menyaksikan penurunan 12.3 peratus kes berkaitan denggi berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

Pun begitu, katanya lagi, kes denggi yang direkodkan dalam tempoh dua minggu berturut-turut baru-baru ini menyaksikan peningkatan.

Justeru, beliau menasihati penduduk yang mengalami demam, sakit-sakit sendi, hilang selera makan, muntah dan ruam supaya segera membuat pemeriksaan kesihatan lanjut di hospital atau klinik kesihatan berdekatan.

Tidak cukup dengan ini, beliau berkata, Unit Kawalan Vektor Negeri akan menjalankan *preventive fogging* di lokasi-lokasi yang dikenal pasti bahaya wabak denggi.

Malah, beliau berkata, mereka yang dikenal pasti sebagai penyebab pada pembiakan nyamuk aedes bakal berdepan dengan kompaun maksimum RM500 hatta RM10,000 bagi kesalahan sama yang berulang.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, Flat Seri Delima di Daerah Barat Daya dan Lebuh Sungai Pinang 1, George Town (daerah Timur Laut) dikenal pasti sebagai dua lokasi aktif wabak denggi dengan empat kes direkodkan baru-baru ini.

Berikut adalah senarai kawasan sensitif wabak denggi:

1. Taman Sri Damai, Batu Lanchang
2. Taman Sri Pinang / Flat PPR Jalan Veterinari
3. Island Park / Jalan Gangsa
4. Taman Berjaya, Pulau Tikus
5. Desa Mawar, Ayer Itam
6. Taman Tun Sardon, Gelugor
7. Perumahan Kastam, Gelugor
8. Sri Ivory, Ayer Itam
9. Jalan Choong Lye Hin, Tanjong Tokong
10. Gold Coast Condo, Persiaran Bayan Indah
11. Bandar Baru Teluk Kumbar
12. Kampung Tersusun Sungai Ara
13. Gerbang Sungai Ara
14. Taman Chai Leng, Perai
15. Taman Emas, Perai
16. Flat Jalan Tuna, Seberang Jaya
17. Lorong Tenggiri, Seberang Jaya
18. Casa Prima, Seberang Jaya

## Kompaun Denggi



- Maksimum RM500 di bawah Seksyen 25 Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000).

Jika gagal membayar, denda berikut boleh dikenakan:

- Kesalahan pertama: Denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.
- Kesalahan kedua: Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.
- Denda harian: Denda tidak melebihi RM500 bagi setiap satu hari kesalahan itu diteruskan sehingga punca pembiakan dihapuskan.

Sumber: Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, Kementerian Kesihatan.






# KM anggap pelampau perkauman tiada jiwa merdeka

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUTTERWORTH -** 86 kontinjen menyertai perbarisan sempena menyambut Hari Kemerdekaan Ke-56 Peringkat Negeri Pulau Pinang bertempat di Dataran Pemuda Merdeka di sini baru-baru ini.

Pasukan Peronda Sukarela (PPS), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kesatria UiTM, Telekom Malaysia Berhad, Jabatan Imigresen, POS Malaysia, Perbadanan Bekalan Air (PBA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia antara kontinjen yang menyertai acara istiadat perbarisan di hadapan Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T), Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Semua Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta penjawat awam turut menyertai sambutan Hari Merdeka di khemah utama dif kehormat negeri di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataan akhbar beliau sempena Hari Merdeka berkata, semua pihak seharusnya mempunyai jiwa Malaysia yang hakiki memandangkan temasya hari kebangsaan ini diraikan saban tahun.

Tambah beliau, tayangan filem Tanda Putera yang didakwa sarat dengan unsur perkauman melampau sekaligus mengambarkan kumpulan tertentu itu masih tidak mempunyai jiwa Malaysia yang hakiki sungguhpun negara sudah merdeka lebih 50 tahun.

"Malaysia tidak mungkin berasa sangat luar biasa apabila kini seolah-olah lebih bergaya untuk menjadi seorang pelampau dan bersikap perkauman, untuk menyebarkan pembohongan daripada meraikan kebenaran dan menutup mata kita dengan rasuah dan ketidakadilan.

"Rakyat Malaysia akan membongkar pembohongan seperti yang terkandung dalam filem yang menuai kebencian kaum dan memecah-belahkan, dan bukannya keharmonian dan perdamaian," ujar Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Guan Eng berkata, semua pihak, termasuk Kerajaan Pusat sepatutnya lebih menumpu pada usaha untuk menangani jenayah memandangkan beberapa kes tembak-menembak sampai meragut nyawa awam direkodkan berlaku.

"Walaupun indeks jenayah meningkat kepada hampir 10% dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, peningkatan indeks jenayah telah menurun kepada 4.4% pada akhir Ogos 2013.




**PERBARISAN tabik hormat kepada Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff di pentas utama sempena Hari Kemerdekaan Ke-56 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

"Ini menunjukkan kejayaan usaha polis, bersama-sama dengan kerjasama kerajaan negeri dan orang awam untuk membanteras jenayah," nyata beliau.

Kesempatan itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada warga Pulau Pinang kerana Pakatan Rakyat negeri mendapat 68 undi popular pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13), 5 Mei lepas.

"Peningkatan sebanyak 10 peratus berbanding undi popular 58% diperolehi dalam pilihan raya umum 2008...Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan mengecewakan rakyat," ujar beliau.

Beliau berkata, 'Negaraku Selamat, Bersih, Hijau dan Sihat' dipilih sebagai tema Hari Kemerdekaan kali ini peringkat Pulau Pinang.



**GELAGAT sang cilik dengan pakaian tradisional Malaysia menyerikan lagi sambutan Hari Kemerdekaan baru-baru ini.**




**AHLI-ahli *Hot Bike* bergambar kenang-kenangan di kaki Gunung Alps, Switzerland baru-baru ini.**

## Salam Kemerdekaan dari Grimsel Pass

Oleh:**AINUL WARDAH SOHILLI**

**MERDEKA...MERDEKA... MERDEKA...** Laungan kemerdekaan bergema di kaki Gunung Alps, Grimsel Pass, Switzerland.

Seramai 17 penunggang motosikal berkuasa tinggi dari *Hot Bike* bertekad untuk mengibarkan Jalur Gemilang di Grimsel Pass sempena sambutan kemerdekaan Malaysia ke-56 baru-baru ini.

Menunggang sejauh 485 kilometer, ahli-ahli *Hot Bike* memulakan perjalanan dari Munich, Jerman menuju ke St. Anton, Austria ke Wassen, Switzerland dan seterusnya tiba di Grimsel Pass, Guttannen, Switzerland pada 31 Ogos lalu.

"Setiba di Grimsel Pass, kami melaungkan laungan merdeka sebanyak tiga kali sambil mengibar Jalur Gemilang kebanggaan kita.

"Walaupun jauh di perantauan, laungan kemerdekaan tetap bersemangat," kata Ketua Ekspedisi *Hot Bike*, Lee Beng Guan.

Mereka kemudiannya meneruskan perjalanan sejauh 250 kilometer ke Livigno, Sondrio, Italy sebelum pulang ke tanah air dengan melengkapkan misi perjalanan sejauh 1,800 kilometer selama 11 hari baru-baru ini.

# Exco lawat projek tebatan banjir Taman Makok

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM -** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng bersama beberapa Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini mengadakan lawatan kerja ke Taman Makok di sini bagi meninjau perkembangan projek tebatan banjir.

"Saya berharap MPSP dapat mempercepatkan projek ini memandangkan ia sepatutnya siap pada 10 Jun lepas lagi.

"Hasil perbincangan, MPSP sendiri memberi jaminan bahawa projek in i akan selesai sebelum akhir bulan Julai," ujar Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, Micheal Tan Cheong Heng (Ahli Majlis MPSP) dan Tan Xin Ying (Ahli Majlis MPSP) turut menyertai lawatan ringkas tersebut.

Sebelum itu, Chong Eng yang juga Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut mengadakan majlis interaksi dengan penduduk setempat.

Dalam interaksi itu, penduduk membangkitkan masalah-masalah malar segar setempat seperti banjir kilat yang dikatakan berpunca oleh beberapa projek kemajuan di kawasan tersebut.

Selain itu, penduduk turut memohon projek peparitan yang baharu dinaiktaraf itu ditutup demi keselamatan mereka khususnya kanak-kanak yang melintasi kawasan terbabit.

Dalam reaksi spontan, wakil MPSP bersetuju dengan cadangan penduduk setempat.



**KEPIMPINAN Negeri yang menyertai lawatan kerja meninjau keadaan parit yang didakwa salah satu punca berlakunya banjir kilat di Taman Makok di sini baru-baru ini.**

# George Town, Shunde jalin persahabatan

Oleh: **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN -** Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Danny Law Heng Kiang berkata, pihaknya berharap hubungan diplomatik antara Pulau Pinang dan China kian erat melalui kunjungan 12 diplomat dari daerah Shunde ke George Town baru-baru ini.

"Tujuan lawatan wakil Shunde adalah untuk bertukar-tukaran budaya sesama negara dan merasai keenakan masakan yang negeri Pulau Pinang tawarkan," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Naib Pengerusi CPPCC Shunde dan Setiausaha Hubungan Luar Negeri, Huang Yanxia turut hadir pada sidang media itu.

Heng Kiang yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang berkata, delegasi kehormat itu turut dibawa melancong beberapa destinasi menarik di negeri ini sepanjang tempoh empat hari tersebut.

Tidak cukup dengan itu, Kerajaan Shunde turut membawa masuk sekumpulan penari dan penghibur untuk mempersembahkan tarian tradisional di SRJK(C) Shang Wu baru-baru ini.

Dalam kesempatan sama, Heng Kiang menjemput menjemput Shunde untuk menyertai Pesta Makanan Antarabangsa Pulau Pinang.

Sebelum itu, Yan Xia turut melahirkan rasa gembira atas penghargaan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri.

Lantas, beliau menjemput George Town menyertai *Shunde Dragon Boat Festival* yang dijadual pada tahun depan selain menikmati keindahan patung 'Bruce Lee' terbesar di dunia dekat kota berkenaan.

Dalam perkembangan sama, Pulau Pinang menerima dua anugerah dari Shunde, iaitu *The Favourite Travel Destination of Cantonese 2011* dan *Excellent Show Award of China* (Guangdong) *International Tourism Industry Expo 2013* daripada Shunde



**LAW Heng Kiang (kiri) memberi hadiah persahabatan kepada Huang Yanxia (kanan) dalam satu majlis di sini baru-baru ini.**



# SILA DIMAKLUMKAN SEKIRANYA ADA BANTAHAN TERHADAP PEMOHON YANG DITAWARKAN SEPERTI DINYATAKAN, SILA KEMUKAKAN BANTAHAN SEPERTI DALAM FORMAT BERIKUT

**NOTIS BANTAHAN**

***Sebarang bantahan boleh dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh paparan dimuatnaik. Pohon kembalikan Notis Bantahan yang telah dilengkapkan bersama dokumen sokongan bantahan ke Bahagian Perumahan, **Tingkat 20 KOMTAR**

Nama Pembantah :

No. K/P :

Alamat / E-mel : No. Tel :

Nama yang diBantah:

Sebab Bantahan :

*Semua maklumat di atas wajib diisi. Bantahan tidak akan dilayan sekiranya maklumat tidak lengkap*

**TAWARAN PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH/KOS SEDERHANA RENDAH**

SENARAI PEMOHON BERJAYA PROJEK : **SHINEVILLE, LEBUHRAYA THEAN TEIK, AIR ITAM DAERAH TIMUR LAUT**
TARIKH PEMILIHAN : **27 OGOS 2013**

| BIL | NAMA | NO. KAD PENGENALAN | ALAMAT | TARIKH MENDAFTAR | TARIKH KEMASKINI |
|---|---|---|---|---|---|
| **CINA** | | | | | |
| 1 | LEE EE SENG | 1001XXX | 4 LINTANG MAS 11600 PULAU PINANG | 01/06/1979 | 25/04/2012 |
| 2 | KAM SUAN IMM | 5497XXX/59010107XXXX | BLOK 15-19-03 LENGKOK ANGSANA BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG | 01/06/1983 | 13/01/2012 |
| 3 | CHUAH HONG HIN | 7215XXX/64011007XXXX | B5-22 RIFLE RANGE, FLATS BOUNDRY ROAD 11400 PULAU PINANG | 01/06/1986 | 28/5/2013 |
| **INDIA** | | | | | |
| 1 | SELVARATHINAM A/L SUBRAMANIAM | A0530XXX/66080807XXXX | 646B JLN AIR ITAM MK16 11500 PULAU PINANG | 01/06/1995 | 18/12/2012 |
| 2 | VASUNTHARADEVI A/P ALLAHU | A2886XXX/74062207XXXX | NO 1-20-12A DESA IXORA, SOLOK ANGSANA BANDAR BARU AIR ITAM,11500 PULAU PINANG | 10/08/1999 | 04/01/2012 |
| 3 | PAPATHI A/P SANA PERIYASAMY | 7262XXX/64032107XXXX | 2G -15-23 MEDAN, ANGSANA 1 BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG | 09/03/2000 | 07/08/2012 |
| 4 | INDRADEVI A/P KALIMITHU | A0562XXX/66111007XXXX | 2C-11-16 MEDAN ANGSANA 1 FARLIM 11500, PULAU PINANG | 09/09/2002 | 11/04/2013 |
| **MELAYU** | | | | | |
| 1 | MUHAMMAD FAIRUZ LEONG BIN ABDULLAH | A2549XXX/73072307XXXX | 9-10-21 LINTANG PAYA, TERUBONG 3 DESA DELIMA AIR ITAM 11060 PULAU PINANG | 14/04/2003 | 23/01/2013 |
| 2 | SHARIFAH TAZNIM BT ABD MAJID | 82060907XXXX | E-8-11 RIFLE RANGE FLAT AIR ITAM 11060 PULAU PINANG | 06/02/2007 | 15/04/2013 |
| 3 | KHAIROL NIZAM BIN KHAMIS | 80072708XXXX | 117 KG TELOK SAMA, GAGAH SPG AMPAT SEMANGGOL 34400 PERAK | 11/03/2008 | 23/05/2012 |
| 4 | NOOR AZLINA BT MD ISA | 87071707XXXX | 2-2-1 LEBUH PINANG 1, TAMAN MUTIARA VISTA 11600 PULAU PINANG | 10/04/2008 | 28/05/2013 |
| 5 | MOHD AZLAN BIN SIDEEK ALI | 84031507XXXX | BLOK 23-11-10 TAMAN SERI DAMAI LEBUHRAYA BATU LANCHANG 11600 PULAU PINANG | 25/02/2009 | 23/01/2013 |
| 6 | MUHAMMED RIDZUAN BIN MOHAMED MYDIN | 85071607XXXX | 21-14-4 TAMAN SRI DAMAI LEBUHRAYA BATU, LANCHANG 11600 PULAU PINANG | 05/05/2009 | 14/07/2011 |
| 7 | SITI REHAN BT BAHARI | 83042202XXXX | 23-15-4 TAMAN SRI DAMAI LEBUHRAYA BATU LANCHANG 11600 PULAU PINANG | 21/08/2009 11/10/2010 | 21/08/2009 11/10/2010 |
| 8 | EBARAHIM MEERA | 76111907XXXX | BLOK J-13-19 RUMAH PANGSA PADANG, TEMBAK AIR ITAM 11400 PULAU PINANG | | |
| 9 | MOHAMMAD AZLAN BIN AKBARDEEN | 89092107XXXX | 23-13-03 TAMAN SRI DAMAI LEBUHRAYA BATU LANCHANG 11600, PULAU PINANG | 22/10/2010 | 13/08/2011 |
| 10 | MD NOORIZAM MERICAN B NOORDIN MERICAN | 85070107XXXX | 21-6-2 TAMAN TAMAN SRI. DAMAI LEBUHRAYA BATU LANCHANG 11600 PULAU PINANG | 22/11/2010 | 22/11/2010 |
| 11 | SITI AMINAH BT SHARIF | 68041707XXXX | NO. 27C JALAN AIR ITAM 10460 PULAU PINANG | 29/12/2010 | 28/05/2013 |
| 12 | MOHD MUZAMMIR B. OTHUMAN SAHIR | 85100207XXXX | 1-20-19 TMN SRI PINANG, JALAN VETERINARI, GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG | 06/07/2011 | 28/05/2013 |
| 13 | MUHAMMAD SYAMIL TAUFIQ BIN HAMID SULTAN | 87090407XXXX | BLOK 2A-02-17 MUTIARA HEIGHT LINTANG HAJAH REHMAH JELUTONG 11200 PULAU PINANG | 11/03/2011 | 11/03/2011 |
| 14 | ZAHRI BIN IDRIS | 81102203XXXX | BLOK 4-4-2 LEBUH NIPAH, 3 BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG | 04/05/2012 | 04/05/2012 |

# KN tubuh jawatankuasa kebajikan, keselamatan pelajar Mesir



ABDUL Malik Abul Kassim (tiga dari kiri) berinteraksi dengan seorang mahasiswa (kiri sekali) mengenai pengalaman di Mesir, sambil diperhati oleh Mohd. Salleh Man (tiga dari kanan) di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** - Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, Kerajaan Negeri menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memantau tahap keselamatan serta kebajikan anak Pulau Pinang yang melanjutkan pelajaran di Mesir, ekoran situasi tidak menentu negara tersebut belakangan ini.

Jawatankuasa ini akan bekerjasama dan berhubung rapat dengan Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Wisma Putra dan Badan Kebajikan Pelajar Pulau Pinang Mesir bagi menjamin keselamatan pelajar negeri ini di Mesir," ujar beliau dalam satu majlis di perkarangan Masjid Seberang Jaya di sini.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man turut serta pada majlis itu.

Abdul Malik yang juga ADUN Batu Maung berkata, Kerajaan Negeri turut akan memberi khidmat sokongan kepada pelajar-pelajar yang telah pulang ke negeri ini serta tidak dapat menyambung pengajian mereka di negara tersebut.

Terdahulu, kira-kira 200 pelajar dari seluruh negara pada 28 Ogos lepas sekitar jam 5.50 pagi dilaporkan selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Mereka menyertai penerbangan khas dari Kaherah, Mesir.

Dari jumlah itu, seramai 30 anak Pulau Pinang dibawa pulang dengan sebuah bas khas serta disambut dalam satu majlis sederhana oleh Kerajaan Negeri, di sini.

Abdul Malik berkata, seramai 56 anak Pulau Pinang lain direkodkan memilih untuk tidak pulang serta meneruskan pengajian seperti biasa di Mesir, sekarang.

Tambah beliau, waris pelajar-pelajar berwajib boleh menghubungi jawatankuasa di talian 04-2637200 / 013-4057719 / 018-4696634 untuk mendapatkan info lanjut.

## Nafas baru muzium kembangkan budaya membaca - Hon Wai

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



BARISAN pemenang Pertandingan Menulis Esei 2012 bergambar kenang-kenangan bersama Wong Hon Wai (lima dari kiri) dan Haryany Mohamad (kiri sekali) di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Muzium dan Balai Seni Negeri Pulau Pinang perlu diberi nafas baru supaya terus menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan serta mampu meningkatkan budaya membaca dalam kalangan rakyat di negeri ini.

Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Wong Hon Wai berkata demikian pada majlis penyerahan buku-buku terbitan Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang di Perpustakaan Awam Negeri Cawangan George Town di sini baru-baru ini.

"Peranan semua pihak adalah penting sebagai jaminan penghijrahan kita daripada belenggu cetek ilmu kepada yang luas mindanya," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam.

Hon Wai turut menyempurnakan majlis penyerahan buku-buku kepada wakil sekolah-sekolah sekitar Daerah Timur Laut.

Sebelum itu, Kurator Muzium Negeri, Haryany Mohamad berkata, pihaknya serta Balai Seni Lukis Negeri menerbitkan buku-buku berwajib tersebut demi memupuk minat membaca serta menghargai hasil karya penulis-penulis tempatan.



ANTARA buku yang disampaikan kepada wakil-wakil sekolah sekitar Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.

"Saya harap dengan penyampaian buku-buku ini kepada sekolah-sekolah di sekitar Daerah Timur Laut ini, dapat dimanfaatkan sepenuhnya, selain, dapat menjadi sebahagian saluran ilmu.

"Dan bagi pihak muzium, kami ingin menyumbang kepada pembangunan negeri dengan menjadikan pendidikan muzium untuk semua," ujar Haryany.

Dalam pekembangan sama, Hon Wai dan Haryany turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Menulis Esei 2012, 'Sejarah: Peristiswa Tempat Kelahiranku' yang julung kali dianjurkan sempena pembukaan cawangan baru Perpustakaan Awam Negeri.

## Astronomi prospek pelancongan Bukit Bendera - Ahli Akademik USM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



CHONG Hon Yew (kanan sekali) melancarkan salah satu roket air di sini baru-baru ini.

**BUKIT BENDERA** - Kawasan peranginan Bukit Bendera mungkin bukan sahaja menjadi destinasi pelancongan pilihan, bahkan, mempunyai prospek terbaik bagi aktiviti berkaitan asronomi kelak.

Penasihat Kelab Astronomi Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Chong Hon Yew mencadangkan demikian pada satu program lawatan pelajar-pelajar sekolah di sini.

"Kebanyakkan acara (astronomi) seperti ini sebelum ini banyak tertumpu di Pulau Langkawi (Kedah), tetapi, bagi saya, Pulau Pinang mempunyai prospek terbaik (seperti di) Bukit Bendera untuk menjalankan aktiviti seperti ini," ujar Ahli Akademik berkenaan baru-baru ini.

Wakil Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), Baharin Annuar Abu Bakar berkata, cadangan Hon Yew itu sekaligus akan meningkatkan lagi kadar pelancong ke kawasan tanah tinggi tersebut.

"Acara (astronomi) seperti ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kehadiran pelancong ke Bukit Bendera," ujar Baharin Annuar yang juga Pengurus Promosi dan Pemasaran, PBBPP.

Beliau berkata demikian semasa Bukit Bendera baru menerima kehadiran pelancong paling tinggi pada hari kedua raya Aidilfitri lepas, iaitu seramai 10,301 pengunjung.

Angka itu, sekaligus, memecah rekod kunjungan pelancong sejak Bukit Bendera mula dibuka pada tahun 1923.

Sebelum itu, Hon Yeow memaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang menyertai program kendalian kelabnya berpeluang bermalam serta mencerap bintang, bulan dan meteor menggunakan 10 unit teleskop milik USM dari puncak pusat peranginan Bukit Bendera.

Tambah beliau, pelajar-pelajar berkenaan turut berpeluang menyertai demontrasi melancarkan satu roket air, di sini.

# Hapus 70,000 tikus sejak 2009 - Exco

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN** - Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, statistik Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang direkodkan menunjukkan kira-kira 70,000 ekor tikus di sekitar pulau berjaya dihapuskan sejak tahun 2009.

Pun begitu, katanya, amalan tidak menjaga kebersihan tidak akan membantu usaha memerangi tikus di sekitar pulau.

“Kita dapati dalam kawasan George Town ini sahaja terdapat ramai orang yang tidak membuang sisa-sisa makanan dengan betul menyebabkan ia menarik lebih banyak tikus,” kata Kon Yeow ketika menyertai aktiviti gotong-royong bersama-sama pekerja biasa majlis di sini baru-baru ini.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkata, sebanyak 40 kes direkodkan di Pulau Pinang bagi tahun 2012, manakala, 38 kes sehingga Ogos tahun ini.

Difahamkan, sebanyak 217 ekor tikus berjaya dikutip sepanjang operasi terbaru itu.

Kejayaan itu, menurut beliau, selepas sejenis racun *Zinc Phosphate* diserakkan di sekitar *Little India* pada malam sebelumnya bagi membunuh tikus di sini.

Dalam perkembangan sama, katanya, Kementerian Kesihatan telah melaporkan bahawa sebanyak 2,268 kes Kencing Tikus telah direkodkan di seluruh negara dengan 55 kematian pada tahun 2011 dan meningkat secara mendadak pada tahun berikutnya dengan 3,665 kes (48 kematian).




CHOW Kon Yeow (empat dari kiri) bersama-sama pekerja MPPP sedang mengutip bangkai tikus di sini baru-baru ini.

**PROGRAM PENGASAPAN BAGI BULAN SEP 2013 UNTUK KAWASAN GEORGETOWN PULAU PINANG**

| TARIKH | KAWASAN LIPUTAN PENGASAPAN |
|---|---|
| 01 SEP 2013 | Ahad |
| 02 SEP 2013 | Halaman Burma, Jln Bagan Jermal, Jln Wright, Jln Burma; Pinang Courts Lebuh Sungai Pinang; Lebuh & Lintang Bakau. |
| 03 SEP 2013 | Taman Kristal, Jln Mount Erskine, Lengkok Erskine; Lebub Tye Sin, Lebuh Presgrave; Tokong Kayu & Tokong Batu. |
| 04 SEP 2013 | Gerbang Erskine, Tingkat Erskine, Taman Teguh; Kampong Rawa; Jalan Jeti Jelutong. |
| 05 SEP 2013 | Lorong /Solok Birch, Jalan Kelawai; Kampong Makam, Jalan Dato Kramat; Jalan Kampong Dodol, Lorong Tampin. |
| 06 SEP 2013 | Jalan Padang Victoria, Jln Loh Boon Siew, Jln Mandalay; Jalan Sungai, Jalan Maqbul; Lorong Perak, Jalan Penawar. |
| 07 SEP 2013 | Sabtu |
| 08 SEP 2013 | Ahad |
| 09 SEP 2013 | Jln /Lrg /Solok Bell, Lbhraya Codrington; Jalan Penjara, Jalan Utama; Jalan Tembaga, Medan Tembaga. |
| 10 SEP 2013 | Love Lane, Lorong Argus, Lorong Stewart; Jalan Lim Khoon Huat; Jalan Gangsa, Jalan Besi. |
| 11 SEP 2013 | Lrg Muda, Lrg Pasar, Lbh Pitt; Jalan Yeoh Cheng Aun, Jalan Lim Eow Thoon; Flats Batu Lancang. |
| 12 SEP 2013 | Lbh Chulia, Lbh Carnarvon, Jln Pintal Tali; Jalan Merican, Jalan Pahang; Mewah Court Batu Lancang. |
| 13 SEP 2013 | Lrg Seck Chuan, Lbh Buckingham, Lbh Campbell; Jalan Irving, Lorong Baru; Jalan /Medan Penaga. |
| 14 SEP 2013 | Sabtu |
| 15 SEP 2013 | Ahad |
| 16 SEP 2013 | CUTI AM (HARI MALAYSIA) |
| 17 SEP 2013 | Lbh Kimberley, Lrg Ngah Aboo, Lbh Carnarvon; Taman Lembah Sungai, Jalan SP Chelliah; Desa Green Jalan Van Praagh. |
| 18 SEP 2013 | Jalan Hongkong, Jln Sungai Ujong, Jalan Pintal Tali; Taman Kilangin, Rumah Panjang MPPP; Jalan Madrasah, Lintang Hajjah Rehmah. |
| 19 SEP 2013 | Kg Malabar, Lbh Cintra; Taman Sri Pinang; Jalan Tengku, Jalan Kota Giam. |
| 20 SEP 2013 | People's Court, Lbh Cintra, Lbh Campbell; Lebuh Presgrave, Jalan Gurdwara; Kawasan Bukit Dumbar. |
| 21 SEP 2013 | Sabtu |
| 22 SEP 2013 | Ahad |
| 23 SEP 2013 | Jln Kuala Kangsar, Lbh Tamil, Jln Chowrasta; Jalan Gopeng, Jalan Air Itam; Taman Free School (Negeri). |
| 24 SEP 2013 | Lebuh Keng Kwee, Jalan Kuala Kangsar, Lebuh Kimberley; Jalan Abdullah Ariff, Kampong Baru; Taman Free School (MPPP). |
| 25 SEP 2013 | Jln Sri Bahari, Jln Transfer, Jln Argyll; Taman Air Itam ,Lebuh Padang Tembak; Kampong Mesjid Jalan Perak. |
| 26 SEP 2013 | Lrg Aman, Lrg Pulau Tikus, Lrg Kucing; Medan Lumba Kuda, Jalan La Salle; Taman Abidin & Taman Cemerlang Jalan Perak. |
| 27 SEP 2013 | Lrg /Jln /Lengkok Berjaya; Jalan Lumba Kuda, Jalan Batu Gantong; Kawasan Jalan Chemor. |
| 28 SEP 2013 | Sabtu |
| 29 SEP 2013 | Ahad |
| 30 SEP 2013 | Lebuhraya Scott, Lebuhraya Berjaya; Jalan Shaik Eusoff, Jalan Shaik Madar; Bomba Jalan Perak, Kampong Jelutong Barat. |



WONG Hon Wai (lima dari kiri) menyempurna majlis perasmian pembukaan Pameran Graduasi Akademi Seni Equator, di sini baru-baru ini.

# Kreativiti, inovasi pelajar kunci kejayaan - Hon Wai

Oleh: **SITI FAIRUZ YAHAYA**

**GEORGE TOWN** - Pelajar Akademi Seni Equator Pulau Pinang dinasihat supaya lebih berfikiran kreatif, kritis serta inovatif jika mahu berjaya dalam dunia kerjaya profesional kelak.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata demikian semasa berucap pada majlis Pameran Graduasi Akademi Seni Equator, di sini.

“Pelajar seni dan reka bentuk mempunyai masa depan yang cerah kerana dunia kini bergerak menuju inovasi.

“Saya percaya (Akademi Seni) Equator sudah memberi asas yang kukuh untuk menempuh cabaran seterusnya dengan penuh keyakinan,” ujar beliau baru-baru ini.

Menurut beliau, golongan pelajar sekarang kian berminat untuk melanjutkan pengajian dalam jurusan seni dan reka bentuk, berbanding era 1980-an yang secara umumnya menyaksikan mereka lebih berminat pada jurusan sains dan perakaunan serta bidang-bidang profesional lain.

Ini, termasuk kelapa sawit, penapisan minyak masak, penapisan gula, penghasilan lemak, kimia, biodiesel, baja dan pemprosesan bijirin.

Syarikat ini mempunyai rangkaian 450 kilang pemprosesan merangkumi China, Indonesia, dan lebih 50 buah negara serata dunia.

## *investPenang* lanjut tempoh sewa Pusat PKS lapan tahun

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**





PENGURUS Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Rosli Jaafar turut membentangkan kertas kerja ke arah pembangunan PKS di Pulau Pinang.

**BUKIT JAMBUL –** Tempoh sewaan di Pusat Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) Fasa Empat dekat Taman Perindustrian Bayan Lepas di sini melanjutkan dari lima tahun sehingga ke lapan tahun, kata Pengurus Besar *investPenang*, Loo Lee Lian.

Beliau berkata, pihaknya berharap penyewa, yakni usahawan PKS dapat memanfaatkan tempoh itu berbanding masa lima tahun yang ditawarkan sebelum ini demi memajukan perniagaan masing-masing.

"Tempoh lima tahun terlalu singkat untuk mereka (penyewa) menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian dan penambahbaikan, kini, tempoh baru diperkenalkan adalah berdasarkan *case-to-case basis*, bergantung pada keperluan firma," katanya pada majlis *Penang SME Seminar 2013* yang diadakan di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, langkah itu diperkenalkan demi mengurangkan kos operasi PKS di Pulau Pinang.

"Kami bukan sahaja menawarkan lot atau ruang untuk memulakan perniagaan, malah, memberi nasihat perniagaan juga.

"Kadar sewa bagi tempoh tiga tahun pertama adalah di bawah harga pasaran," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya turut merancang untuk menyediakan lot-lot sewaan yang lebih kecil bagi membolehkan usahawan PKS mempunyai lebih banyak pilihan.

Pusat PKS bernilai RM40 juta yang terdiri daripada bangunan empat tingkat dan 13 lot perniagaan yang dibina atas tanah berkeluasan 160,000 kaki persegi.

Lee Lian menjelaskan, pemajuan projek itu bertujuan membantu, memberi tunjuk ajar dan memupuk inovasi PKS dalam kalangan usahawan dengan menawarkan harga sewaan lot yang kompetitif.

Selain itu, tambahnya, Pusat PKS diharap menjadi medan untuk usahawan PKS mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka di samping mempromosikan perindustrian PKS ini di Pulau Pinang.

Sebelum itu, Guan Eng turut melahirkan harapan bahawa industri PKS di negeri ini dapat dikembangkan melalui inisiatif yang dilakukan oleh *investPenang*.

Menurut Laporan Tahunan 2012 SME Corp. yang dipetik, beliau berkata, industri PKS menguasai 75 peratus daripada keseluruhan industri di Malaysia.

"Daripada peratusan itu, sejumlah 40,824 usahawan PKS Pulau Pinang mewakili enam peratus jumlah keseluruhan usahawan PKS di Malaysia.

"PKS dianggap sebagai tulang belakang terutama dalam industri pembuatan di Pulau Pinang," katanya.



MEOR Meor Adam Meor Sapi (lima dari kiri) dan V. Govindasamy (dua dari kiri) bersama-sama yang lain pada majlis promosi Larian Centennial RHB Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

## Sertai larian sempena 100 tahun RHB 22 Sept

**GEORGE TOWN -** RHB Bank Berhad (RHB) dengan kerjasama *Penang Amateur Athletics Association* (PAAA) menganjurkan Larian *Centennial* RHB Pulau Pinang dari Padang Kota, di sini pada 22 September depan sempena ulang tahun ke-100 bank itu.

Timbalan Presiden RHB, Left.Kol.(B) Meor Adam Meor Sapi berkata, acara itu dibuka kepada seluruh warganegara, pemastautin tetap serta bukan warganegara yang menjadi pelanggan bank itu sahaja.

Menurut beliau, acara sama turut akan diadakan di Kuantan, Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur.

Setiausaha Agung PAAA, V. Govindasamy pula berkata, pihaknya berbesar hati untuk bekerjasama dengan pihak RHB bagi menjayakan larian berkenaan di Pulau Pinang.

"PAAA akan menyelaras penganjuran itu bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT), pihak polis serta pihak yang berkenaan dalam memastikan acara berkenaan berjalan lancar," jelas Govindasamy dalam sidang media sama di sini baru-baru ini.

Difahamkan, tiga kategori dipertandingkan. Juara bagi kategori Lelaki 10km dan Wanita 10km bakal membawa pulang RM1,000, RM800 (ke-2) dan RM700 (ke-3), RM500 (ke-4), RM300 (ke-5) dan RM100 (ke-6 hingga ke-10), serta sijil penyertaan.

Manakala, bagi kategori *Family Fun Run* 3km (2 dan 6 orang berkumpulan), juara akan membawa pulang RM 300, RM200 (ke-2) dan RM100 (ke-3), serta sijil penyertaan.

Semua peserta akan diberi sehelai t-shirt.

Sebarang pertanyaan boleh berkunjung ke mana-mana cawangan Bank RHB di seluruh negeri.

# Bas percuma untuk pengunjung Exco Hijau 2013

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**




**GEORGE TOWN** – Perkhidmatan bas ulang-alik secara percuma ulang alik dari beberapa lokasi ke Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) dekat Bayan Lepas akan disediakan untuk pengunjung sempena penganjuran Ekspo Hijau Pulau Pinang 2013 selama dua hari bermula 21 September ini.

Pengerusi Penganjurnya, Teh Yee Cheu berkata, lapan lokasi dipilih, iaitu dari Jeti Butterworth ke Chai Leng Park (Caltex), dari Juru Autocity (Starbucks) ke Sunway Carnival, dari jeti Pulau Pinang ke Komtar (hadapan CIMB) dan dari depo Balik Pulau ke Pasar Lama Balik Pulau.

Tambah beliau, perkhidmatan itu beroperasi bermula jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi, manakala, perjalanan dari PISA pula dijadualkan pada jam 1.00 petang, 3.00 petang dan 6.15 petang sahaja.

"Tempat duduk bas percuma ini menggunakan konsep *first-come, first-served*.

"Kapisiti adalah terhad, jadi pengunjung yang ingin datang ke ekspo secara berkumpulan, bolehlah membuat pra-pendaftaran untuk mengelak kekecewaan," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, pengunjung berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah bernilai sehingga RM25,000 serta pakej percutian ke Beijing bernilai RM1,000 yang ditaja oleh Explore Malaysiaku Holidays Sdn. Bhd.

Sila layari laman sesawang PGC di *www.pgc.com.my/penanggreenexpo2013* atau menghubungi talian 04-650 5558 atau emel kepada *penanggreencouncil@gmail.com* untuk mendapatkan informasi lanjut.





PHEE Boon Poh (empat dari kiri) bersama-sama jawatankuasa penganjur *Elders Day Celebration 2013* pada sidang media di sini baru-baru ini.

# Sertai *Elders Day Celebration 2013* 20 Okt. - Exco

Oleh: **SITI FAIRUZ YAHAYA**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan negeri Pulau Pinang dengan kerjasama *Society of Active Generation of Elders* (SAGE) menganjurkan Elders Day Celebration 2013 di Dewan Holy Spirit Cathedral dekat Jalan Besi di sini pada 20 Oktober depan bermula jam 7.00 petang.

"Kerajaan Negeri menganjurkan program itu sejak sedekad lepas bagi memperingati pengorbanan dan sumbangan warga emas di negeri ini," ujar Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Boon Poh sendiri akan merasmikan keraian yang akan turut akan dihadiri oleh Jagdeep Singh (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat) dan dua dif kehormat, iaitu Datuk Goh Cheng Teik dan Datuk Teng Hock Nan.

Boon Poh berkata, pengunjung yang hadir pada keraian itu akan menerima cenderamata, selain, berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri senantiasa memberi sokongan pada keraian seumpama itu melalui penajaan program.

Tambah beliau, program tersebut dibuka kepada ahli SAGE dan warga tua lain dengan bayaran masuk RM30 setiap seorang.

# Sukan tempur Kendo curi tumpuan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**




DUA peserta melakukan demo sukan Kendo pada kejohanan tersebut di sini baru-baru ini.

**BATU UBAN—** Seramai 200 orang peserta dari pelbagai negara seperti Malaysia, Brunei, Kemboja, Filipina, Indonesia, Singapura, Thailand dan Vietnam menyertai Pertandingan Kendo ke-10 Asia Tenggara yang berlangsung di Dewan Badminton Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng sempat menceritakan serba sedikit sejarah diplomatik antara negara Jepun dan Asia Tenggara sejak 1970-an apabila Jepun menawarkan bantuan dari segi ekonomi, budaya dan akademik kepada negara di sini.

"Pujian harus diberikan kepada Persatuan Kendo Antarabangsa (IKA) yang telah mempromosikan seni bela diri ini juga pada era yang sama.

"Saya juga gemar untuk mengucapkan tahniah kepada 'watak-watak utama' yang tanpa rasa jemu, mempromosikan seni Bela Diri Kendo ke serata dunia," ujar beliau semasa ucaptamanya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Konsulat Jepun ke Pulau Pinang, Ryuji Noda, Ronald J.P Manik (Konsulat Jeneral Indonesia), Srirat Vathesatogkit (Konsul Jeneral Thailand), Datuk Dr. Abdullah Malim Baginda (Presiden Persatuan Kendo Malaysia) dan Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian).

Menurut Guan Eng, Kejohanan Kendo pertama pernah dilangsungkan di negara ini pada tahun 1988.

Tambahnya kejohanan pada kali ini merupakan ulangtahun kali ke-25 bagi Kejohanan Kendo ASEAN dan ulangtahun kali ke-40 persahabatan diplomatik Jepun-ASEAN.

"Pada tahun ini, saya berbangga kerana kejohanan ini, telah datang ke Tapak Warisan Dunia UNESCO yang masyhur, Pulau Pinang.

"Saya turut berbangga kerana Pulau Pinang pada kali ini diberi peluang menganjurkan acara ini bagi peringkat ASEAN dan berharap dapat diteruskan bagi peringkat antarabangsa satu hari nanti," ujar beliau lagi.

Kejohanan selama dua hari itu menyaksikan Malaysia mengungguli dua emas melalui acara wanita individu dan berpasukan.

Azmi Mohamed Sabri bersama-sama Lee-Yan-Ying, Looi Yeen May, Tan Sioh-Yang dan Mimi Thian muncul juara berpasukan dalam pertandingan itu.

Lebih membanggakan, katanya, pasukan Malaysia dipilih sebagai penerima anugerah 'Semangat Lawan Berpasukan' terbaik bagi saingan kali ini.

# Bas shuttle untuk 45,000 peserta *Penang Bridge International Marathon* - Exco

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**BAYAN LEPAS** – Exco Kebudayaan dan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang berkata, Penang Bridge International Marathon 2013 yang dijadual berlangsung pada 17 November depan menerima 45,000 penyertaan.

Justeru, beliau berkata, pihak penganjur akan bekerjasama dengan *Rapid Penang* bagi menyediakan perkhidmatan bas shuttle secara percuma demi kemudahan peserta berwajib.

"Pada kejohanan kali ini, pihak penganjur berkerjasama dengan Rapid Penang dalam menyediakan perkhidmatan bas "shuttle" bagi kemudahan para peserta.

"Dengan penyertaan diluar jangka, bilangan bas telah ditembah mejadikan jumlah keseluruhannya kepada 12 buah," ujar beliau yang jug Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang di sini baru-baru ini.

Dua wakil penganjur, iaitu Timbalan Pengerusi *Allianz Penang Bridge International Marathon* (APBIM), Datuk Syed Mohamed Aidid dan Dato Dr. Yee Thiam Sun (Pengarah Perubatan APBIM) serta wakil-wakil agensi berwajib turut serta pada sidang media tersebut.

Menurut Heng Kiang, perkhidmatan pengangkutan akan beroperasi dari tiga kawasan berbeza antaranya, Weld Quay, KOMTAR, and Tapak Pesta Sungai Nibong.

Selain itu, katanya, penyertaan sendiri turut diterhadkan pada beberapa kategori, antaranya *Half Marathon, 10KM run* dan *Fun Run* memandangkan penyertaan di luar jangkaan penganjur.




**BANNER** promosi *Penang Bridge International Marathon 2013.*

Dalam perkembangan lain, beliau turut merakamkan penghargaan atas penganjuran Running Clinics di Taman Botani Pulau Pinang, sebelum ini.

Ekoran kejayaan itu, katanya lagi, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menganjurkan program serupa pada 8 November depan di taman tersebut disusuli, Kuala Lumpur (22 Oktober dan 13 Oktober) serta Ipoh (6 Oktober).

Layari sesawang *http://www.penangmarathon.gov.my* atau emelkan ke *info@penangmarathon.gov.my* untuk mendapatkan informasi atau pertanyaan lanjut.

# Dari Acheh ke Pulau Mutiara


SET ekonomi yang menjanjikan harga berpatutan kepada pelanggan.


TEMPE goreng bersama tauhu goreng bersama sos kicap manis pedas pasti menjanjikan kelainan pada selera anda.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Foto: **ALISSALA THIAN**

**JIKA** disebut sahaja 'ayam penyet' sudah pasti ramai masyarakat Malaysia yang sudah mengenali masakan popular Indonesia. Makanan ini saban hari menjadi kegemaran ramai dengan dihidangkan bersama nasi putih, ulam-ulaman, sambal, sup serta tempe goreng.

Bagi menjenamakan semula masakan ini ke peringkat yang lebih tinggi, Anas Izzuddin Mohd. Taufek, melalui kenalan ayahnya telah mengambil inisiatif memperkenalkan Restoran Ayam Lepass yang terletak di Sungai Nibong Besar (bersebelahan Balai Polis).

Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara pada kali ini berkenan menyelami tentang keunikan Ayam Lepaas yang telah difrancaiskan dari Acheh, Indonesia (90 cawangan seluruh Indonesia) hingga ke Pulau Pinang yang merupakan francais pertama rangkaian restoran tersebut di luar Indonesia.

Menurut Anas, perniagaan ini dimulakan sejurus pemilik asal di Indonesia yang hanya dikenali sebagai Suparno mencari orang tempatan yang berminat untuk berniaga Ayam Lepaas di Pulau Pinang.

Pada permintaan pertama, Anas serta keluarganya belum bercadang untuk membuka perniagaan tersebut, namun perbincangan kali kedua, mereka pun bersetuju membawa 'resipi' tersebut ke Pulau Mutiara.

"Pada Jun 2012, saya ke Acheh untuk berbincang bersama Suparno mengenai potensi dan perkara-perkara lain mengenai perniagaan ini di samping mendapat nasihat dari pihak keluarga terlebih dahulu.

"Selepas semua persiapan selesai, hujung tahun 2012, perniagaan Ayam Lepaas telah berjaya memulakan operasinya di Pulau Pinang," jelas beliau.

Ayam Lepaas juga sebenarnya mempunyai makna yang tersirat di sebalik namanya yang unik itu.

"Lepaas di sini bermakna 'Lezat dan Pedas' dalam Bahasa Indonesia iaitu sesuai kepada penggemar-penggemar masakan pedas.

"Satu lagi kita juga menyediakan 'Lemaas' iaitu lemak manis namun tidak mahu terlalu didedahkan takut masyarakat umum menyalah anggap." ujar beliau.


Anas Izzuddin Mohd. Taufek, menunjukkan katalog promosi dan Sijil Gerai terbaik yang diperolehinya pada Ekspo PenBex tahun lalu.

Walaupun hanya baru setahun jagung beroperasi, Ayam Lepaas telah berjaya mendapat pengiktirafan tempat kedua gerai terbaik keseluruhan pada satu karnival yang dianjurkan oleh 12 Ekspo Keusahawanan Bumiputera Pulau Pinang (PenBex) yang diadakan di Tapak Ekspo Seberang Jaya hujung tahun lalu juga.

**Penghasilan Ayam Lepaas**

Sebenarnya Restoran Ayam Lepaas tidak hanya menghadkan kepada masakan seperti 'ayam penyet' semata-mata. Ia juga merangkumi masakan berasaskan ikan keli, burung puyuh, sayur tumis, tauhu, tempe dan lauk-pauk lain bertradisikan Indonesia yang sungguh lazat.

"Proses memasak dimulakan dengan merebus ayam bersama rempah ratus yang dibawa khas dari Acheh yang dikenali sebagai 'Bumbu'.

"Bumbu ini akan direbus dalam periuk tekanan tinggi khas yang memakan masa lebih kurang 25 minit bagi memastikan rencah ini meresap bukan sahaja ke isi malah hingga ke tulang ayam.

"Kalau guna periuk biasa juga boleh tetapi memang akan memakan masa yang lama, dan bumbu inilah yang menjadi rencah penting bagi melazatkan ayam tersebut," jelas Anas sambil menunjukkan proses penggorengan ayam tersebut.

Menurut Anas lagi, bumbu ini sangat penting sehinggakan sambal masakan ini pun dimasukkan bumbu bagi menaikkan lagi aroma dan rasa hidangan tersebut.

**Cabaran**

Setiap bidang perniagaan yang diceburi pastinya menjanjikan cabarannya yang tersendiri kepada pengusahanya.

Bagi Anas, cabaran yang dihadapi beliau adalah dari segi mengekalkan pekerja yang bekerja di sini.


ANAS Izzuddin Mohd. Taufek menunjukkan cara-cara penghasilan Ayam Lepass kepada skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

"Memang diakui susah untuk kita mendapatkan pekerja rakyat tempatan yang ingin bekerja lama dalam bidang seperti ini.

"Walaupun dah diberikan gaji setimpal dengan gaji yang ditetapkan kerajaan, namun mereka masih tidak boleh kekal lama.

Begitu juga pendapat yang disuarakan oleh rakan-rakan ayah saya yang berkecimpung dalam bidang perniagaan makanan," jelasnya lagi.

Selain itu, beliau turut menyatakan kelewatan bumbu untuk sampai turut menjadi masalah satu ketika dahulu kerana tidak tahu tentang hal demikian lalu beliau telah membuat pesanan dalam jumlah yang banyak sekaligus.

"Cabaran turut datang dari kehadiran pelanggan pada peringkat awal pembukaan restoran ini, namun kini saya dapat melihat kehadiran hari ini telah terdiri dari pelbagai bangsa.

"Ini juga termasuk warga Indonesia sendiri, Vietnam, Myanmar, Timur Tengah pun ada dan tidak terkecuali ialah Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Mohd. Rashid Hasnon yang datang bersama keluarga beliau baru-baru ini," ujar beliau.

**Pesanan**

Kelaian yang turut ditampilkan untuk restoran seperti ini adalah dengan mengambil bahagian dalam servis penyediaan secara atas talian.

"Pelanggan boleh melayari *www.deliverdirect.com* untuk membuat pesanan. Selepas pembayaran dibuat, pesanan akan dihantar ke sini dan kami menyediakan pesanan terbabit sbelum pelanggan hanya perlu datang untuk mengambil pesanan mereka," ujar Anas lagi.

**Harapan**

Harapan Anas adalah untuk menambah lagi cawangan di bahagian Seberang Perai terlebih dahulu bagi jangka masa terdekat ini.

"Jangka masa panjang kami merancang untuk memperluaskan lagi rangkaian ini ke Lembah Kelang kerana potensi yang sangat baik di sana jika kita lihat dan ini juga mungkin memerlukan rakan kongsi yang lebih untuk menjaga perniagaan di sana," jelas Anas lagi.

Bagi pemasaran pula, Ayam Lepaas dilihat masih sekadar biasa dengan hanya memasuki karnival-karnival yang dianjurkan pihak kerajaan mahupun swasta.

Ianya masih belum lagi mencapai promosi bertaraf komersial seperti dalam media elektronik.

"Kami turut membuat 'kenduri' kecil-kecilan seperti di masjid di mana ianya juga secara tidak langsung dapat memperkanalkan Ayam Lepaas kepada para jemaah," tambah beliau lagi.

Bagi yang berminat merasai kelainan yang ditampilkan oleh Restoran Ayam Lepaas dalam menyediakan ayam penyet, bolehlah melakukan kunjungan ke **775, Jalan Sultan Azlan Shah, Sungai Nibong, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang ataupun menghubungi talian 017-2958009 dan 0194153850.**

# Seh Bah, KRT Taman Keenways kongsi minat



TAN Seh Bah sedang memberi ucapan penghargaan sempena perasmian pembukaan 'Taman Kejiranan' Taman Keenways di sini baru-baru ini.

**28** tahun, beliau menggabungkan diri dengan aktiviti komuniti di tempat beliau bermastautin.

Itu, bukan masa yang singkat.

Kini, sungguhpun beliau sudah bersara dari dunia perniagaan, aktiviti kesukarelawannya dengan Kelab Rukun Tetangga (KRT) Taman Keenways dekat Bukit Mertajam masih diteruskan seperti biasa.

Lelaki berusia 73 tahun itu berkata, isterinya senantiasa memberi sokongan.

Tiga anaknya, iaitu bekerjaya doktor, peniaga butik fesyen dan suri rumah masing-masing bangga dengan apa yang dilakukannya.

Tan Seh Bah berkata, beliau berasa puas bekerja dengan pasukannya melalui wadah KRT ini.

Baginya, KRT Taman Keenways yang diiktiraf sebagai juara Anugerah Komuniti Mampan 2013 oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini adalah kejayaaan berpasukan KRT.

"Apa pun, program kita di sini bukan berorientasikan keuntungan.

"Apa pun program yang nak dijalankan di Taman ini, kita akan keluarkan surat rasmi.

"Ini kerja sukarela. Selagi ada minat, selagi itu akan ada kepuasan," ujar beliau semasa diwawancara oleh wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

**Minat Sumbu Kerjasama**

Seh Bah berkata, hampir semua aktiviti yang dianjurkan oleh KRT Taman Keenways dibina berdasarkan minat bersama komuniti di sini.

"KRT panggil mereka lihat apa aktiviti yang mereka suka untuk kita anjur. Kalau mereka suka masak, kita adakan program masak-memasak.

"Kalau mereka suka program bercucuk tanam pokok bunga, kita wujudkan program sebegitu seperti Taman Kejiranan yang telahpun kita wujudkan bersebelahan dengan Dewan KRT ini," ujar beliau.

Tambah Seh Bah, sesiapa berminat untuk mempelajari seni gaya hidup sihat Tai Chi, mereka boleh datang ke Taman Keenways pada setiap hari Isnin, Selasa dan Khamis.

"Kita bersenam Tai Chi bermula pada jam 8.00 malam hingga 10.30 malam, kerana penduduk yang bekerja pada waktu pejabat pun berminat untuk sertai pada sebelah malam," ujar beliau.

Selain itu, katanya, KRT juga menganjurkan program nyanyian karaoke pada waktu tertentu.

"Program karaoke pun ada kerana kita mahu menjadikan KRT ini sebagai tempat untuk merehatkan komuniti," ujar beliau lagi sambil merakamkan penghargaan kepada wakil rakyat kawasan kerana menghadiahkan set karaoke kepada KRT, sebelum ini.

**Taman Kejiranan**

Taman Kejiranan menjadi salah satu identiti KRT di sini. Yang di-Pertua MPSP, Puan Maimunah Mohd. Sharif sendiri pernah berkunjung ke sini untuk melihat hasil sayur-sayuran dan buah-buahan.

Macam-macam ada. Antaranya, ubi keledek, terung, sawi, kubis, kangkung dan buah markisa.

Seh Bah berkata, projek kehijauan itu dimulakan sejak dua setengah tahun lepas juga berdasarkan pada minat komuniti di sini.

Ujarnya, keindahan Taman Kejiranan ini mendorong Maimunah datang melawat dan merasmikan pembukaan taman ini baru-baru ini.

"Dulu, di sini adalah kawasan semak samun. Ada ahli KRT kita minat bercucuk tanam. Kita beri sokongan dari segi benih dan kebendaan untuk memulakan aktviti kehijauan itu.

"Untuk mencerahkan semak-samun di sini, MPSP sendiri turun bergotong-royong dengan penduduk setempat

"Kita rancang tanam sayur sebab ini antara hobi komuniti di sini," ujar beliau.

**Sisa Sifar**

Seh Bah turut mengulas mengenai cabaran Maimunah untuk Taman Keenways mengamalkan kempen 'Sisa Sifar'.

"Projek sisa sifar ini sebenarnya kita sudah mula agak lama.

"Mula-mula kita kompos kepala ikan dan kulit udang, dikompos menjadi baja.

"Semua sisa ini ditanam dalam lubang. Selepas lebih dua bulan, baru kita boleh pakai tanah itu untuk tujuan pertanian organik," ujar beliau.

Menurut beliau, dari 269 unit rumah, sebanyak 22 rumah sahaja menyertai program Sisa Sifar.

"Jadi, lebih kurang 10 peratus terlibat dalam projek kitar semula ini," ujar beliau

Beliau berkata, walaupun kempen Sifar Sisa masih belum menerima penyertaan majoriti komuniti di sini, sokongan MPSP serta aktiviti berterusan KRT selepas ini mungkin akan menelurkan hasil.

**Program Amal**

Percaya atau tidak, KRT Taman Keenways turut giat dalam program-program amal dengan membantu golongan yang memerlukan.

"Kitar semula ini menjadi sumber duit. Kita tak guna, tetapi, kita simpan sampai hujung tahun.

"Selalunya kita akan buat program amal, hasil duit ini akan kita serah kepada orang yang benar-benar memerlukan. Contoh, orang susah yang mengidap sakit pinggang.

"Tudung tin aluminium pun kita kumpul dan simpan. Apabila sudah cukup, kita akan beri kepada seorang warga Thai untuk dibuat kaki palsu secara percuma kepada orang yang benar-benar memerlukan memerlukan.

**Harapan**

Bagi Seh Bah sendiri, KRT ini akan lebih progresf sekiranya disertai oleh komuniti yang majmuk.

"Kita tak isi sepenuhnya kesemua 25 jawatankuasa kelab ini kerana kita mahu simpan untuk orang Muslim dan orang India mengisinya."

"Saya harap MPSP sendiri dapat bersama kami, kerap datang mengorek longkang utama kami di sini kerana longkang di sini dipenuhi pasir, bukan lagi air.

"Tiap-tiap minggu, pada hari Sabtu, kita sendiri akan membersih taman ini untuk elak pembiakan jentik-jentik aedes.

"Saya rasa sudah sangat baik kerana kempen Sisa Sifar oleh MPSP semakin meluas. Kita harap, kempen ini berterusan untuk kesihatan anak cucu kita di sini," ujar Seh Bah.

# 10 pekerja biasa MPPP terima pingat

Oleh : **WATAWAN NATAF ZULKIFLI**

**BUKIT MERTAJAM** - 10 pekerja biasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dipilih menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM) sempena Hari Lahir Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas baru-baru ini.

Mereka, antaranya, Baharum Abdul Rahman, Mazli Md. Shariff, K. Anbuallagan, Che Rahmat Che Ruis, Johari Shaari, Mazalan Ariffin, S. Nagasraop, K. Rajoo, Rosli Sudin dan C. Shantara Sagaran.

Mereka, pekerja bahagian pembersihan dari Jabatan Perbandaran, dipilih atas komitmen mereka melakukan kerja-kerja mencabar dari aspek *Difficult, Dirty & Dangerous* atau lebih dikenali sebagai '3D'.

Baharum Abdul Rahman, 59 yang berkhidmat dalam kerja '3D' sejak 35 tahun lepas melahirkan rasa terharu atas penghargaan yang diterima daripada kepemimpinan negeri.

"Saya pernah terjatuh lori semasa melakukan kerja-kerja memungut sampah dahulu, namun, itu sedikit pun tidak mematahkan semangat saya untuk menabur bakti kepada masyarakat," ujar beliau semasa ditemui di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, kerja-kerja menyelenggara longkang sememangnya mencabar terutama pada musim hujan.

Selain itu, katanya lagi, masyarakat sekeliling, segelintirnya tidak selesa jika ditegur mengenai peri penting menjaga kebersihan bandar.

Manakala, Mazli Md. Shariff, 56 yang berkhidmat dengan MPPP sejak 26 tahun dahulu turut mengaku terus bersemangat untuk memberi motivasi kepada pekerja-pekerja baru supaya lebih rajin dan tidak memandang rendah pada pekerjaan sebegini.

"Walau apa pun rintangan dan kesukaran, saya tetap menekankan disiplin yang tinggi dan agama sebagai aspek utama dalam hidup dan kerjaya," ujar beliau sambil mengaku memulakan tugas harian seawal 6.30 pagi.

Sebelum itu, Xavier Sebastian selaku penyelia kepada penerima-penerima pingat tersebut berkata, kesemua pekerja di bawah seliaannya memang layak menerima pingat tersebut memandangkan proses pemilihan yang dilakukan oleh pihak jabatan adalah sangat teliti.

"Seperti diketahui kerja mereka sangat-sangat mencabar hingga perlu turun ke dalam longkang yang tidak mampu dilakukan oleh semua orang tambahan mereka ini tidak pernah merungut dan tidak pernah mengatakan 'tidak' kepada arahan yang diberi," ulas beliau lagi.



**BAHARUM Abdul Rahman**



**MAZLI Md. Shariff**

# KRT Tmn. Keenways juara Anugerah Komuniti Mampan

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT MERTAJAM –** Anugerah Komuniti Mampan 2013 yang dianjurkan secara bersama oleh Majis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd. baru-baru ini, menyemarakkan lagi usaha inovasi komuniti dalam memelihara alam sekitar.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif mengumumkan, Kelab Rukun Tetangga (KRT) Taman Keenways muncul sebagai pemenang Anugerah Komuniti Mampan 2013, diikuti, Persatuan Pemilik dan Penghuni Rumah Taman Tambun Indah Seberang Perai Selatan (tempat ke-2) dan Persatuan Amal Masyarakat Cina Taman Putri Gunung (tempat ke-3).

Masing-masing menerima RM3,000, RM2,000 dan RM1,000.

"Prinsip *Local Action 21* digalakkan bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial," ujar Maimunah dalam satu majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, di sini baru-baru ini.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Tan Cheong Heng (Ahli Majlis MPSP) dan Michael Van Crombrugge (Pengurus Besar Flextronics Technology) turut hadir pada majlis itu.

Maimunah berkata, profil kejiranan, komuniti, organisasi, inisiatif komuniti ke arah kemampanan dan kemajuan, intergrasi sosial, kehijauan, tadbir urus dan keusahawanan adalah antara kriteria penting yang dinilai oleh jawatankuasa penganjur.

Dalam perkembangan sama, Maimunah turut mengumumkan Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Desa Damai sebagai penerima Anugerah Khas Inovasi dengan sumbangan saguhati sebanyak RM500.

**PENGERUSI KRT Taman Keenways, Tan Seh Bah (kanan sekali) menerima replika cek bernilai RM3,000 dan sijil daripada Maimunah Mohd. Sharif (empat dari kiri) dan Phee Boon Poh (tengah) sambil diperhati oleh Michael Van Crombrugge (dua dari kiri) serta Tan Cheong Heng (kiri sekali) di sini baru-baru ini.**





# Pemilik premis sedia tong sampah dikuatkuasa MPSP

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



(Dari kiri) ROZALI Mohamud, Maimunah Mohd. Sharif, Tan Cheong Heng dan Amir Ghazali dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

**BUKIT MERTAJAM -** Notis 14 hari akan dikeluarkan kepada pemilik premis kediaman atau perniagaan yang gagal menyediakan tong sampah mengikut piawaian sebelum pihak berkuasa tempatan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengeluarkan kompaun lanjut.

Yang di-Pertuanya, Maimunah Mohd. Sharif berkata, penguatkuasaan itu berdasarkan Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (MPSP) 1994.

"Undang-undang kecil ini sebenarnya telah lama ada. Penguatkuasaan ini bagi memastikan semua premis mempunyai tong sampah," ujar beliau dalam satu sidang media selepas mesyuarat penuh majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan dua Ahli Majis MPSP lain, iaitu Amir Ghazali serta Tan Cheong Heng turut hadir pada sidang media itu.

Maimunah berkata, mereka yang gagal membayar kompaun turut berdepan dengan tindakan mahkamah kelak.

Dalam perkembangan sama, beliau turut mengalu-alukan penyertaan persatuan komuniti dalam menyertai kempen 'Sisa Sifar' yang dilancarkan oleh MPSP baru-baru ini.

Beliau berkata, kempen itu secara tidak langsung dapat mengurangkan belanja dalam mengurus sisa sampah di sekitar Seberang Perai yang selama ini ditanggung oleh MPSP.

Sementara itu, beliau berkata, penduduk dinasihat supaya tidak sekadar membungkuskan sampah-sarap tanpa diletakkan dalam tong yang bertutup.

Ini kerana, katanya, sisa sampah itu akan terdedah pada anjing, kucing dan sebagainya.

Dalam perkembangan sama, beliau turut mengumumkan hasil majlis dialog sempena Hari Majlis Ke-39 baru-baru ini yang menyaksikan 41 peratus responden mahu aspek kebersihan menjadi keutamaan MPSP.





YANG DiPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail (dua dari kiri) menyantuni Tuan Yang Terutama Tun Dr. Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) serta isteri, Toh Puan Majimor Shariff (kanan sekali) semasa menghadiri Rumah Terbuka MPPP di *Subterranean Penang International Conference & Exibition* (sPICE) baru-baru ini.

ANAK-anak yatim dari Wisma Yatim Perempuan Air Itam (Jalan Scotland) turut diundang bagi memeriahkan suasana Rumah Terbuka Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini baru-baru ini.

## Kerjasama MPPP, pelanggan mampu kurangkan sisa pepejal



SUASANA mesyuarat biasa MPPP yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuanya, Datuk Ar. Patahiyah Ismail (paling kiri) di sini baru-baru ini.

Oleh: **SITI FAIRUZ YAHAYA**

**GEORGE TOWN -** Ahli Majlis, Dr. Lim Mah Hui berkata, kerjasama antara Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan pelanggan mampu mengurangkan keterhasilan sisa pepejal di Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian semasa mengulas mengenai 40 peratus daripada keseluruhan bajet MPPP dibelanja bagi pengurusan sisa pepejal.

Menurut beliau, dari 1,400 tan sisa pepejal yang terhasil tiap-tiap hari, 600 tan dikumpul dari rumah-rumah rakyat.

"Kita perlu mencari jalan untuk mengurangkan dan mengalihkan sisa pepejal bukan sahaja untuk mengurangkan kos, tetapi, juga untuk mengurangkan kesan rumah hijau yang merosakkan persekitaran kita," ujar beliau dalam mesyuarat biasa MPPP di sini baru-baru ini.

Justeru, beliau mencadangkan MPPP mempertimbang cadangan melaksana polisi 'bayar apa yang anda buang' demi mengurangkan kos operasi serta sumber sisa buangan yang kebanyakannya dihasilkan dari rumah-rumah pelanggan.

Dalam perkembangan sama, beliau turut mencadangkan penggunaan mesin *bio-regen* diperluaskan di lokasi-lokasi strategik sekitar pulau demi menukar sisa makanan kepada baja cecair.

Tambah beliau, mesin *bio-regen* secara umumnya digunakan untuk memproses serta merawat hasilan sisa makanan demi mencegah penyebaran penyakit.

Setakat ini, beliau berkata, kira-kira 11 mesin *bio-regen* telahpun dipasang di beberapa sekolah pilihan, iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Heng Ee dan Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Green Lane yang dikatakan menerima sokongan tidak langsung beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Itu, tidak termasuk pemasangan *bio-regen* pada bulan Ogos dua tahun lepas di perkarangan Kompleks Penjaja Bayan Baru.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan komitmen MPPP dalam merealisasikan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.

# 3,000 sertai Rumah Terbuka Aidilfitri ADUN Seberang Jaya



AFIF Bahardin (kiri sekali) dan isteri menyampai sumbangan *'angpau raya'* kepada kanak-kanak terpilih yang hadir pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA -** Lebih 3,000 hadirin menyertai majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin dan isteri, Mardhiah Zakaria di Dewan *Blok R* Apartment Permata Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Dr. Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan semasa ditemui melahirkan rasa bersyukur atas kunjungan hadirin memeriahkan keraian buat julung kali diadakannya bersama isteri.

"Saya gembira dengan sambutan yang diberikan dan berharap banyak lagi program seperti ini dapat dijalankan bersama komuniti setempat.

"Alhamdullilah, sambutan yang diadakan berjalan dengan lancar," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Seberang Jaya yang bertungkus lumus membantu menjayakan keraian itu.

Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal) dan Ong Chin Wen (ADUN Bukit Tengah) antara kempimpinan negeri yang hadir pada majlis itu.

Pada majlis sama, Dr. Afif dan isteri turut menyempurnakan penyerahan sumbangan 40 hamper kepada golongan fakir, miskin, anak yatim, orang kurang upaya (OKU) serta ibu tunggal.

Sate, laksa, mee kuah, nasi impit dan ayam golek antara juadah enak yang dijadikan pada keraian itu.

# JKKK Kg. Melayu anjur Malam Kebudayaan & Kesenian



WONG Hon Wai (tujuh dari kiri) bergambar bersama peserta cilik pertandingan pakaian beragam yang diadakan sempena Malam Kebudayaan dan Kesenian di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**AIR ITAM**- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu dengan kerjasama Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Karpal Singh dan Aura Life Sdn. Bhd. menganjurkan Malam Kebudayaan dan Kesenian sempena Rumah Terbuka Aidilfitri di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata penganjuran malam kebudayaan berkenaan telahpun memasuki tahun keenam dan beliau masih teruja setiap kali menyambutnya.

"Tahun keenam saya bersama JKKK Kampung Melayu dan saya amat gembira kerana bukan sahaja pelbagai persembahan diadakan tetapi juga kehadiran masyarakat yang berbilang kaum dan harmoni.

"Terima kasih kepada semua pihak kerana menjayakan penganjuran Malam Kebudayaan dan Kesenian ini terutama jawatankuasa penganjur yang bertungkus-lumus menganjurkannya saban tahun demi kesejahteraan dan merapatkan hubungan dalam kalangan komuniti di sini," kata Hon Wai baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng.

Selain persembahan kebudayaan dari kumpulan boria, turut diadakan pertandingan pakaian beragam tradisional, nyanyian dan tarian tradisi pelbagai kaum.

# ADUN ajak komuniti amal 10,000 langkah sehari



R.S.N. Rayer (bertopi merah) bersama sebahagian komuniti *Island Park* yang turut serta dalam kempen 10,000 langkah sehari dekat sini baru-baru ini.

**SERI DELIMA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer mengajak komuniti Seri Delima khususnya mengamalkan kualiti hidup yang sihat dengan 10,000 langkah sehari.

"Amalan 10,000 langkah sehari ini penting untuk penjagaan kesihatan kerana kita tidak mahu apabila sakit baru timbul kesedaran perlunya menjaga kesihatan.

"Kesihatan merupakan salah satu aspek kualiti hidup yang baik, jadi untuk kesihatan yang baik kita perlu bersenam dan jadikan amalan harian, bukan setahun sekali sahaja buat," katanya.

Beliau bersama kira-kira 30 orang komuniti Island Park turut meluangkan masa seawal jam 7 pagi berjalan 10,000 langkah dalam usaha menggalakkan komuniti setempat untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

"Ini merupakan salah satu kempen ke arah amalan gaya hidup yang aktif dan mudah dilakukan di mana-mana sahaja.

"Ianya mudah, murah dan selamat dengan berjalan kaki sekurang-kurangnya 10,000 langkah sehari dapat membendung masalah kesihatan seperti berat berlebihan, sakit jantung, darah tinggi dan sebagainya," katanya yang turut berharap agar amalan ini dapat dilaksanakan bersama keluarga.

# KN sedia RM20 juta selenggara flat rakyat – Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri mengumumkan peruntukan geran tahunan sebanyak RM3 juta bagi tujuan pengecatan serta penyelenggaraan semula bangunan perumahan rakyat di negeri berkenaan.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri bakal menganggung 80 peratus kos mengecat semula bangunan berwajib, manakala, baki 20 peratus lagi akan ditanggung oleh persatuan penduduk sendiri.

Sebagai permulaan, beliau berkata, Blok A1, A2 dan A3 Flat Tuna dipilih sebagai projek perintis di bawah Kerajaan Negeri.

"Kali terakhir kawasan (perumahan) ini dicat adalah pada tahun 1992.

"Kerja-kerja penyelenggaraan ini boleh dilakukan dengan lebih cepat kerana Dr. Afif sendiri bersedia mengeluarkan peruntukan bagi menanggung 20 peratus kos penyelenggaraan sebagai program CSR (tanggungjawab sosial korporat) beliau di kawasan ini," ujar Jagdeep semasa melawat kawasan cadangan penyelenggaraan tersebut bersama-sama Dr. Afif di sini baru-baru ini.

Dr. Afif Bahardin merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Abdul Jalil Che Ros.

Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat berkata, pihaknya berharap lebih banyak wakil rakyat sanggup mengeluarkan peruntukan masing-masing sebagaimana insiatif Dr. Afif bagi memulihara kawasan kediaman rakyat.

Dalam perkembangan sama, Jagdeep turut menempelak Datuk Musa Sheikh Fadzir gara-gara Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Pulau Pinang itu menuduh pemajuan rumah mampu milik bukan keutamaan bagi Kerajaan Negeri.



JAGDEEP Singh Deo (kanan) bersama-sama Afif Bahardin (kiri) meninjau salah sebuah bangunan flat yang bakal diselenggara semula hasil inisiatif bersama KN dan PDC di sini baru-baru ini.

Jagdeep berkata, kira-kira 20,000 rumah mampu milik pelbagai kategori dengan harga seunit antara RM72,500 hingga RM400,000 akan dibina di Pulau Pinang.

Sebelah pulau, katanya, 1,900 unit rumah mampu milik dibina di Jalan S.P. Chelliah, Teluk Kumbar (696 unit) dan Jelutong (556 unit).

Itu, katanya lagi, tidak termasuk sebelah Seberang Perai, iaitu 11,800 di Batu Kawan, Ampang Jajar (1,634 unit), Off Jalan Berapit (1,000 unit), Bukit Juru (800) dan Kampung Jawa dekat Butterworth (707 unit).

"Kalau nak tuduh Pulau Pinang tidak memberi keutamaan pada pembinaan rumah mampu milik pun, sekurang-kurangnya buatlah kajian terlebih dahulu.

"Beliau sepatutnya bercakap berdasarkan fakta, bukan cakap kosong disebabkan PAU (Pemilihan Agung Umno) semakin dekat," tegas Jagdeep menyangkal kenyataan Musa baru-baru ini.

## ADUN anjur perayaan tanglung 20 September ini

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BATU LANCHANG**- Satu perayaan tanglung kanak-kanak akan diadakan di Medan Letak Kereta Pasar Awam Batu Lanchang pada 20 September depan.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Law Heng Kiang berkata, perayaan itu dianjurkan secara bersama dengan Pusat Khidmat Kadun Batu Lanchang dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Batu Lanchang.




LAW Heng Kiang bersama edisi terhad tanglung burung Ubah.

"Penyertaan terhad kepada 500 peserta kanak-kanak berumur 14 tahun dan ke bawah dengan sekali pendaftaran setiap seorang.

"Pihak penganjur berharap dapat menarik 1,000 pengunjung untuk memeriahkan perayaan tanglung ini," ujar beliau pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, setiap peserta yang berdaftar akan diberikan makanan ringan dan tanglung secara percuma oleh pihak penganjur.

Sebelum itu, beliau turut menjelaskan mengenai aturcara program perayaan tersebut.

"Perayaan ini akan dimulai dengan pendaftaran dan pengagihan tanglung kepada kanak-kanak sebelum perarakan mengelilingi Medan Letak Kereta Pasar Awam Batu Lanchang bermula.

"Pengunjung juga dapat menyaksikan pertunjukan akrobatik daripada sebuah kumpulan yang di bawa dari Shanghai," katanya.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan borang penyertaan di Pejabat ADUN Batu Lanchang, 332F-3 Jalan Perak, 11600 Jelutong atau hubungi 04-282 6419 untuk maklumat lanjut.

## Exco Kesihatan lawat mangsa tembakan rambang

**SEBERANG JAYA –** Dua daripada tiga mangsa terbaru tembakan rambang di Taman Kasawari dekat Simpang Empat Tasek yang masih berada di Hospital Seberang Jaya menerima kunjuangan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.



AFIF Bahardin (berbaju hitam, tiga dari kiri) saling berinteraksi dengan Ang Keng Lee (mangsa, kiri) sambil diperhati oleh Ketua Jururawat Wad (tengah) di sini baru-baru ini.

Mereka, Ang Chin Ghai, 32, pengusaha perniagaan percetakan dan Ang Keng Lee, 39, peniaga. Seorang lagi dilaporkan baru keluar dari hospital.

Dua peluru masih terbenam pada bahagian belakang salah satu peha Chin Ghai sementara menunggu pembedahan berwajib, manakala, peluru yang menembusi dari bahagian belakang Kee Lee telahpun menerima rawatan.

Dr. Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata, keluarga mangsa diminta bertenang dan memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada pegawai perubatan untuk merawat kedua-dua pesakit terbabit.

"Saya difahamkan seorang lagi mangsa tembakan rambang yang turut dirawat di sini baru dibenarkan keluar (wad).

"Diharap kedua-dua mangsa ini akan segera sembuh...saya tahu keluarga mangsa begitu bimbang dengan apa yang berlaku, tetapi, saya yakin kumpulan doktor bedah di sini akan memberi rawatan terbaik," ujar beliau dalam satu sidang media di sini, baru-baru ini.

Sebelum itu, beliau mendapatkan maklum balas lanjut mengenai tahap kesihatan mangsa daripada Pegawai Perubahan, Dr. K. Sintu dan beberapa jururawat berwajib di sini.

Dalam perkembangan lain, beliau meminta orang awam supaya memberi kerjasama dengan pihak polis untuk menangani beberapa kes tembakan rambang yang didakwa menggugat keyakinan awam di negeri berkenaan belakangan ini.

Terdahulu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mewakili Kerajaan Negeri pernah melahirkan hasrat untuk saling bekerjasama denga Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menangani fenomena tembak-menembak yang membahayakan keselamatan awam, selain, berusaha menurunkan indeks kes jenayah di negeri berkenaan.



# Pulau Pinang

# Bersih, Hijau,

# Sihat & Selamat